

Rx Sahaja

**STERIL**

**Pemalut Sarung Tangan Hydrofiber™ dengan Perak Diperkuat Nilon**

**ARAHAN PENGGUNAAN**

**BAHASA MELAYU**

**PENERANGAN PRODUK**

Pemalut AQUACEL™ Ag BURN Hydrofiber™ Diperkuat Nilon, berisi perak, antimikrob, pemalut penyerap merupakan pemalut kusut bukan tenunan yang lembut, steril yang terdiri daripada Hydrofiber (sodium Karboksimetilselulosa) dengan benang nilon yang digunakan untuk mengikat jahitan di sepanjang produk. Pemalut mengandungi 1.2% w/w perak ionik. Perak di dalam pemalut membunuh spektrum luas bakteria luka. Pemalut ini menyerap jumlah bendalir luka dan bakteria yang banyak dan mencipta gel yang lembut dan padu yang teramat sesuai dengan permukaan luka, mengekalkan persekitaran yang lembap dan membantu mengeluarkan tisu yang tidak berdaya hidup dari luka (debridmen autolitik). Persekitaran luka yang lembap dan kawalan bakteria luka menyokong proses penyembuhan tubuh dan membantu mengurangkan risiko jangkitan luka.<sup>1,2</sup>

**INDIKASI**

Di bawah penyeliaan pakar kesihatan, Pemalut Hydrofiber AQUACEL Ag BURN Diperkuat Nilon boleh digunakan untuk pengurusan:

- Luka terbakar ketebalan separa (darjah kedua);
- Ulser kaki diabetes, ulser kaki, (ulser stasis vena, ulser arteri dan ulser kaki etiologi campuran) dan ulser/kudis tekanan (ketebalan sebahagian & penuh);
- Luka sebagai penghalang berkesan terhadap penembusan bakteria pemalut kerana ini mungkin mengurangkan jangkitan;
- Luka pembedahan dibiarkan sembuh melalui intensi sekunder seperti insisi pembedahan yang terbuka;
- Luka pembedahan yang sembuh oleh intensi primer seperti insisi dermatologi dan pembedahan (cth., ortopedik dan vaskular);
- Luka traumatik;
- Luka yang mudah berdarah, seperti luka yang telah dikeluarkan secara mekanikal atau pembedahan dan tapak penderma;
- Luka onkologi dengan eksudat, seperti tumor fungoides-kutaneus karsinoma berfungsus, metastasis kutaneus, sarkoma Kaposi, dan angiosarkoma;
- Pengurusan luka yang menyakitkan;
- Luka dijangkiti.

**KONTRAINDIKASI**

Bukan untuk digunakan pada luka terbakar darjah ketiga.

Pemalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon tidak seharusnya digunakan pada individu yang sensitif kepada atau yang mempunyai tindak balas alergi kepada pemalut atau komponennya.

**LANGKAH BERJAGA-JAGA DAN PEMERHATIAN**

- **Amaran:** Kesterilan adalah dijamin melainkan jika beg telah rosak atau dibuka sebelum digunakan.
- Peranti ini hanya untuk penggunaan tunggal dan tidak boleh digunakan semula. Penggunaan semula boleh menyebabkan peningkatan risiko jangkitan dan pencemaran silang. Sifat fizikal peranti mungkin tidak lagi optimum untuk penggunaan yang dihasratkan.
- Semasa proses penyembuhan biasa badan, tisu tidak berdaya hidup dikeluarkan dari luka (debridmen autolitik), yang pada mulanya boleh menjadikan luka kelihatan lebih besar.
- Luka perlu diperiksa semasa penukaran pemalut dan rawatan yang sesuai diberikan jika ada: a) tanda jangkitan (kesakitan meningkat, kemerahan meningkat, saluran luka), b) pendarahan, c) perubahan dalam warna luka dan/atau bau, d)

kerengsaan (kemerahan meningkat dan/atau keradangan), e) maserasi (pemutihan kulit), f) hipergranulasi (pembentukan tisu yang berlebihan), g) sensitiviti (tindak balas alergi) h) tiada tanda penyembuhan.

- Dalam pengurusan luka terbakar ketebalan separa dan kekemasan tapak penderma kepada tapak luka Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon merupakan ciri yang diinginkan. (Lihat ARAHAN PENGGUNAAN).
- Sekiranya anda mengalami kesukaran membuka pembalut, ia perlu direndam dengan air steril atau salin steril sehingga ia dibuka dengan mudah. (Untuk luka terbakar ketebalan separa, sila rujuk kepada seksyen Luka Terbakar Ketebalan Separasipisan pakej ini).
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber™ Diperkuat Nilon menyediakan persekitaran lembap yang menyokong pertumbuhan saluran darah baharu, oleh itu, saluran darah yang baru terbentuk mungkin sekali-sekala menghasilkan bendalir luka yang bercampur darah.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon tidak serasi dengan produk berasaskan minyak, seperti petrolatum.
- Langkah sokongan yang sesuai hendaklah diambil di mana dinyatakan (cth. penggunaan pembalut mampatan berperingkat dalam pengurusan ulser kaki vena atau langkah pelepasan tekanan dalam pengurusan ulser tekanan, antibiotik sistemik dan pemantauan kerap dalam rawatan jangkitan luka, kawalan glukosa darah untuk ulser diabetik, dll).
- Dalam luka terbakar ketebalan separa (darjah kedua), pertimbangkan prosedur alternatif (pembedahan) jika luka belum diepithelialias semula selepas 14 hari.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon tidak bertujuan untuk digunakan sebagai span pembedahan.
- Penggunaan Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon belum pernah dikaji dalam luka yang disebabkan oleh herpes simpleks atau impetigo.
- Walaupun ia telah diperhatikan bahawa produk tertentu yang mengandungi perak boleh menyebabkan penyahwarnaan kulit berikutan penggunaan berpanjangan, kajian klinikal dengan Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon telah menunjukkan tiada penyahwarnaan kulit.

#### **ARAHAN PENGGUNAAN - LUKA TERBAKAR DAN TAPAK PENDERMA KETEBALAN SEPARA (DARJAH KEDUA)**

- Sebelum mengenakan pembalut, bersihkan kawasan luka dengan pembersih luka yang sesuai.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon perlu menindih sekurang-kurangnya 2cm (1 inci) ke atas kulit sekitar luka terbakar, tapak penderma atau Pembalut Hydrofiber Perak Diperkuat Nilon.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon boleh ditutup, jika dikehendaki, dengan pembalut sekunder seperti pad penyerap steril, kemudian dikemaskan dengan betul cth. dengan pembalut penahan. Sekiranya pembalut sekunder digunakan, tanggalkan secara berkala dan periksa Pembalut Hydrofiber Perak Diperkuat Nilon semasa ia berada di tempatnya pada luka.
- Semua pembalut perlu diperiksa dengan kerap.
- Pembalut perlu ditukar seperti yang ditunjukkan secara klinikal (cth. ketepuan, kebocoran atau ketidakselesaian yang meningkat).
- Untuk luka terbakar ketebalan separa (darjah kedua) dan tapak penderma, Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon boleh dibiarkan ditempatnya selama sehingga 21 hari atau sehingga dinyatakan secara klinikal. Sekiranya luka dijangkiti, pemeriksaan kerap luka mungkin diperlukan.
- Sekiranya perlu, sembur untuk melembapkan pembalut di atas sambungan dengan air steril atau salin steril untuk membantu senaman/mobilisasi.

#### **Penilaian kekemasan**

Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon perlu diperiksa untuk memastikan ia kemas pada luka terbakar atau tapak penderma. Tanggalkan pembalut penutup sekunder, jika berkenaan, dan periksa pembalut untuk kemungkinan kekemasan.

- Sekiranya pembalut sarung tangan **kemas**, pastikan pembalut tetap utuh; mana-mana kawasan yang tidak patuh perlu dibiarkan utuh kecuali penanggalan ditunjukkan secara klinikal. Apabila pembalut atau sebahagian daripada pembalut telah ditanggalkan, pasang pembalut baharu di bahagian atas pembalut sedia ada.
- Sekiranya pembalut sarung tangan **tidak kemas**, ia perlu ditanggalkan jika ia tepu atau bocor, jika tidak ia boleh dibiarkan di tempatnya.

#### Penanggalan pembalut

- Pembalut perlu ditukar seperti dinyatakan secara klinikal. Untuk membantu penanggalan pembalut penuh, lembapkan lebih awal dengan sama ada salin steril atau air steril.
- Sambil luka diepithelialias semula Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon akan terpisah atau mudah ditanggalkan.

#### ARAHAN PENGGUNAAN - LUKA AKUT & KRONIK (Tidak termasuk Luka Terbakar Ketebalan Separa dan Tapak Penderma yang Digariskan Di Atas).

- Sebelum mengenakan pembalut, bersihkan kawasan luka dengan pembersih luka yang sesuai.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon perlu menindih sekurang-kurangnya 1cm (1/2 inci) ke atas kulit sekitar luka.
- Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon disyorkan untuk digunakan bersama.
  - pembalut penutup penahan kelembapan dalam luka meleleh yang ringan dan sederhana cth. rangkaian pembalut DuoDERM™
  - pembalut penutup bukan pelekat atau pad kain kasa, dalam luka yang kuat meleleh cth. Pembalut Versiva™ XC™ Gelling Foam (dalam luka onkologi, pembalut sekunder penyerapan tinggi mungkin diperlukan).
  - untuk luka kering rujuk kepada seksyen UNTUK LUKA KERING di bawah.
- Lihat sisipan pakej pembalut penutup individu untuk arahan penggunaan yang lengkap.
- Tanggalkan Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon apabila dinyatakan secara klinikal (iaitu ketepuan, kebocoran, pendarahan berlebihan, kesakitan meningkat) atau selepas maksimum tujuh hari.
- Semua luka dan pembalut perlu diperiksa dengan kerap.

#### ARAHAN PENGGUNAAN - LUKA KERING DAN MELELEH YANG MINIMUM

- Letakkan Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber™ Diperkuat Nilon pada luka dan kemudian basahkan dengan salin steril atau air steril di atas kawasan luka sahaja. Ciri penyerapan menegak bagi Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon akan membantu mengekalkan kawasan lembap di atas luka sahaja dan mengurangkan risiko maserasi. Tutup pembalut dengan pembalut penahan kelembapan untuk mengelakkan daripada mengeringkan pembalut dan kekemasan pembalut seterusnya kepada luka.

	Ujian aktiviti berterusan 14 hari (model luka simulasi)
<i>Stafilokokus aureus</i>	✓
Tahan Metisilin <i>Stafilokokus aureus</i>	✓
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	✓
<i>Enterokokus Tahan Vankomisin</i>	✓
<i>Bakteroides fragilis</i>	✓
<i>Aspergillus niger</i>	✓
<i>Krusei kandida</i>	✓
1.Keserasian bio Pembalut AQUACEL Ag BURN Hydrofiber Diperkuat Nilon telah ditunjukkan melalui ujian <i>in vivo</i> dan <i>in vitro</i> yang sesuai. 2.Aktiviti antimikrob telah ditunjukkan oleh assai mikrobiologi <i>in vitro</i> yang berkaitan.  Buang mana-mana bahagian produk yang tidak digunakan selepas membalut luka.	

Sekiranya maklumat atau panduan lanjut diperlukan, sila hubungi Perkhidmatan Profesional ConvaTec.

Dibuat di UK

© 2015 ConvaTec Inc.

®/™ menunjukkan tanda dagangan ConvaTec Inc. AQUACEL Ag, DUODERM, VERSIVA XC dan HYDROFIBER merupakan tanda dagangan ConvaTec Inc. di Amerika Syarikat



Jangan Guna Semula



Disterilkan dengan Sinaran Gamma



Baca Arahan Penggunaan



Nombor Pesanan



Simpan pada Suhu Bilik



Pastikan Kering



Nombor Lot



Tarikh Tamat Tempoh



Jangan Guna jika Bungkusannya Rosak



Pengilang (EU)